

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]**

TARIKH : 18.06.2014 (RABU)

DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan

- (a) adakah Kementerian mempunyai program bagi memantau kenaikan harga barang baik di kedai-kedai runcit di kawasan kampung mahupun di pasaraya di kawasan bandar; dan
- (b) sejauh manakah keberkesanan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dapat mengatasi masalah kenaikan harga barang khususnya di Sabah dan bagaimanakah kualiti produk barang-barangnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

(a) Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah melantik Pegawai Pemantau Harga sejak April 2008 untuk melaksanakan tugas-tugas pemantauan harga di premis-premis perniagaan di seluruh negara. Pemantauan harga dijalankan secara harian, mingguan dan bulanan ke atas pasaraya besar, pasaraya, hypermarket, pasar basah, pasar mini, kedai serbaneka 24 jam, kedai runcit dan premis makanan siap masak di seluruh daerah merangkumi kawasan bandar dan luar bandar. Kategori barangan yang dipantau ialah:-

- i) barangan basah seperti ayam hidup, ayam standard, daging, sayur-sayuran, buah-buahan dan hasil laut;
- ii) barangan kering seperti bawang, beras, cili kering;
- iii) barangan berbungkus seperti kicap, sos cili, sardin dalam tin, mee segera, kordial;
- iv) barangan kedai serbaneka seperti alat tulis, majalah, makanan ringan dan minuman; dan
- v) makanan siap masak.

Selepas pemantauan dibuat, barangan tersebut akan dianalisa dan barangan yang mengalami kenaikan harga

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 158

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada AirAsia telah melanggar undang-undang setelah ia mula mengenakan "*KLIA2 Fee*" sebanyak RM3 ke atas setiap penumpang secara tanpa kebenaran daripada MAHB dan Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Menurut AirAsia, yuran "KLIA2 fee" yang dikenakan oleh syarikat tersebut sejak beroperasi di KLIA2 adalah mengikut pertimbangan komersial dan tidak melanggar undang-undang. Pengenaan *fee* ini adalah untuk mengimbangi caj mandatori ke atas syarikat penerbangan untuk kemudahan di KLIA2 seperti sistem daftar masuk SITA dan aerobridge yang dikenakan pihak berkuasa lapangan terbang.

Pada masa ini, pihak AirAsia dan pihak MAHB masih dalam peringkat perbincangan mengenai perkara ini.